

Headline	Terapi ikan mempunyai risiko kesihatan Rosnah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	10 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	DZULKIFLI DZULISKANDAR	AdValue	RM 902
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,706



Terapi ikan mempunyai risiko kesihatan: Rosnah

Dzuliskandar Dzul kifli

PAPAR: Orang ramai dinasihatkan agar berhati-hati dalam mendapatkan perkhidmatan terapi gigitan ikan atau 'Fish Spa' yang terdapat di pusat-pusat spa kerana berkemungkinan berisiko dijangkiti HIV dan penyakit berjangkit lain.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan kenyataan mengatakan terapi gigitan ikan tidak selamat kerana penyakit berjangkit seperti HIV mudah dipindahkan dari individu berisiko kepada individu yang lain.

"Ini adalah kerana cara penggunaan ikan yang berulang oleh 'Fish Spa' dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan menyebabkan berlaku risiko pemindahan penyakit itu kerana HIV boleh dipindahkan melalui tiga cara iaitu darah, air liur dan melalui luka, kesan lecetan ataupun kudis.

"Terapi ikan melibatkan ikan kecil yang menggigit sel-sel kulit mati menyebabkan berlaku pemindahan penyakit terutamanya jika berkongsi kolam terapi ikan dengan pelanggan lain yang mempunyai HIV.

"Dalam keadaan itu, pemindahan HIV berlaku dalam berbagai cara iaitu daripada ikan kepada individu lainnya melalui gigitan ataupun daripada perkongsian air dengan orang lain terutamanya jika mempunyai luka yang terbuka.

"Orang ramai yang mendapat terapi ikan ini juga berisiko mendapat penyakit Hepatitis A, B dan C iaitu melalui cara yang sama," katanya ketika ditemui di Majlis Sambutan Aidil Adha di Surau Al-Azim Kampung Sri Tanjung, di sini, malam Selasa lepas.



Rosnah

Majlis sambutan itu telah dirasmikan oleh Pembantu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kawang, Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar.

Rosnah yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, masalah itu boleh dielakkan jika pengusaha spa terapi ikan mengambil langkah keselamatan seperti menggunakan ikan hanya sekali bagi setiap pelanggan.

"Kolam untuk terapi ikan juga haruslah digunakan oleh seorang pelanggan sahaja tanpa berkongsi selain menukarnya dengan kolam yang baru bagi pelanggan yang lainnya pula," katanya.

Jelasnya, dari segi ekonomi cara itu mungkin tidak sesuai kerana pengusaha terpaksa berbelanja lebih untuk faktor keselamatan pelanggan namun dengan mengambil langkah sebegitu sahaja caranya bagi menjamin keselamatan pelanggan.

Selain itu Rosnah yang juga Ketua Pergerakan Puteri Umno Malaysia berkata, terapi ikan juga tidak mempunyai bukti saintifik yang mengatakan terapi itu mempunyai faktor kesihatan yang disokong perubatan.

"Tiada bukti saintifik perubatan mengatakan terapi itu mempunyai elemen kesihatan malahan ianya lebih menjurus kepada risiko membahayakan kesihatan melalui pendekatan yang digunakan dalam terapi tersebut," katanya.

Katanya lagi, pihak KKM hanya boleh mengeluarkan kenyataan dan nasihat kepada orang ramai dan hanya pihak berkuasa tempatan (PBT) sahaja yang mempunyai kuasa bagi mengarahkan penutupan premis spa terapi ikan.